

**PENGETAHUAN KEMISKINAN DALAM
KALANGAN MASYARAKAT MELAYU
DI MUKIM SRI MEDAN, BATU PAHAT, JOHOR**

AINI KHAIRIAH BINTI SAMANI

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
2018**

**PENGETAHUAN KEMISKINAN DALAM
KALANGAN MASYARAKAT MELAYU
DI MUKIM SRI MEDAN, BATU PAHAT, JOHOR**

oleh

AINI KHAIRIAH BINTI SAMANI

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Ogos 2018

PENGHARGAAN

“Segala puji bagi Allah, tuhan sekalian alam”

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia saya, Professor Dr Suriati binti Ghazali atas segala tunjuk ajar, bimbingan dan dorongan sepanjang pengajian PhD saya. Ucapan terima kasih dan sekalung penghargaan juga ditujukan kepada Allahyarham Prof Madya Dr Usman Yaakob yang banyak memberi tunjuk ajar dan bimbingan di peringkat awal pengajian.

Penghargaan khas juga dirakamkan kepada Kementerian Pengajian Tinggi yang telah menyediakan pembiayaan pengajian di bawah program MyBrain15. Saya juga ingin merakamkan penghargaan ucapan terima kasih kepada Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan USM yang telah membiaya sebahagian daripada penyelidikan ini melalui Geran Penyelidikan RU-Team (USM) yang bertajuk “*Spatial Inequalities: Framing Phenomena, Formulating Policies*” (No Akaun: 1001/PHUMANITI/856002).

Pada kesempatan ini juga saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Penghulu Mukim Seri Medan, Mohamad Yassin bin Hassan, ketua-ketua kampung serta warga setempat yang banyak membantu memberikan maklumat dan kerjasama sepanjang kajian ini dijalankan. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Dr Siti Noor Asyikin (UTHM) dan Encik Suliadi Firdaus (UTHM) atas bantuan dan tunjuk ajar dalam mempelajari teknik menganalisis data.

Saya ingin merakamkan lestari budi kasih kepada Mak, Rohani Ahmad dan Abah, Samani Posan yang sering mendoakan kejayaan Ain. Ucapan terima kasih juga kepada Abang Hafiz dan seluruh ahli keluarga yang banyak memberi sokongan dan dorongan sama ada terlibat secara langsung atau tidak langsung. Tidak dilupakan juga rakan-rakan seperjuangan terutamanya Nur Syairah Mohamad Aziz yang tidak jemu memberi dorongan dan kata-kata semangat sepanjang pengajian ini.

SENARAI ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
SENARAI ISI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI FOTO	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
ABSTRAK	xvii
ABSTRACT	xix

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Isu dan Pernyataan Masalah	4
1.3	Persoalan Kajian	9
1.4	Objektif Kajian	9
1.5	Kepentingan Kajian	9
1.6	Batasan dan Skop Kajian	10
1.7	Definisi Terma	11
1.8	Organisasi Kajian	12

BAB 2 KAJIAN LITERATUR KEMISKINAN

2.1	Pengenalan	14
2.2	Beberapa Pendekatan dalam Melihat Kemiskinan	14
2.2.1	Pendekatan Pengetahuan Kemiskinan dalam Melihat Kemiskinan	18
2.2.1(a)	Pendekatan Sainifik dalam Melihat Kemiskinan	21
2.2.1(b)	Pendekatan Struktur dalam Melihat Kemiskinan	27
2.2.2	Gabungan Pendekatan Sainifik dan Struktur dalam melihat: Teori Budaya Kemiskinan	31

2.3	Sikap Penjajah Terhadap Kaum Melayu	40
2.4	Kemiskinan dan Globalisasi	45
2.5	<i>Millenium Development Goals</i> dalam Kemiskinan	49
2.6	Matlamat-matlamat Pembangunan Lestari (SDGs) dalam Kemiskinan	51
2.7	Kajian Kemiskinan di Malaysia	53
	2.7.1 Pendekatan dalam Mengkaji Kemiskinan Kaum Melayu	54
2.8	Kesan Kemiskinan Kepada Golongan Miskin	57
2.9	Kerangka Konseptual Kajian	61
2.10	Kesimpulan	68

BAB 3 KEMISKINAN LUAR BANDAR DI MALAYSIA

3.1	Pengenalan	70
3.2	Latar Belakang Kemiskinan di Malaysia	70
3.3	Latar Belakang Kemiskinan Kaum Melayu Khususnya di Luar Bandar	74
	3.3.1 Dasar-dasar di Malaysia	77
3.4	Dasar dan Strategi Pembasmian Kemiskinan Luar Bandar di Malaysia	79
	3.4.1 Dasar Ekonomi Baru (1971-1990)	79
	3.4.2 Dasar Pembangunan Nasional (1991-2000)	81
	3.4.3 Model Baru Ekonomi (2011-2020)	83
3.5	Ringkasan Strategi Pembasmian Kemiskinan Luar Bandar dan Program Penyelidikan dari Dasar Ekonomi Baru (DEB) sehingga Dasar Transformasi Negara (DTN)	85
3.6	Program Pembasmian Kemiskinan di Malaysia	91
3.7	Strategi Model Baru Ekonomi (2011-2015) dalam membasmi kemiskinan	96
	3.7.1 Program Gerakan 1AZAM (Akhir Zaman Kemiskinan)	98
3.8	Kesimpulan	104

BAB 4 KAEDAH PENYELIDIKAN

4.1	Pengenalan	106
4.2	Reka Bentuk Kajian	106

4.3	Kaedah Pengumpulan Data	107
4.3.1	Kaedah Kuantitatif : Data Primer dan Sekunder	107
4.3.2	Kaedah Kualitatif	109
4.3.2(a)	Kaedah Temu Bual Secara Tidak Formal	111
4.3.2(b)	Kaedah Pemerhatian	115
4.4	Pemilihan Kawasan Kajian	116
4.4.1	Negeri Johor dan Daerah Batu Pahat	116
4.4.2	Daerah Batu Pahat	118
4.4.3	Mukim Sri Medan	123
4.4.4	Justifikasi Pemilihan Kaum Melayu Miskin di Mukim Sri Medan	128
4.5	Teknik Persampelan	129
4.5.1	Teknik Persampelan Bertujuan	129
4.6	Reka Bentuk Soal Selidik	130
4.7	Kajian Rintis	132
4.7.1	Kajian Rintis Kuantitatif	132
4.7.2	Kajian Rintis Kualitatif	133
4.8	Merekodkan Data	135
4.9	Analisis Data	135
4.9.1	Analisis Kuantitatif Berbentuk Deskriptif	137
4.9.1(a)	Analisis Faktor	138
4.9.1(b)	Analisis Faktor Penerokaan (EFA)	138
4.9.1(c)	Syarat Analisis Faktor	140
4.9.2	Analisis Kualitatif Berbentuk Analisis Kandungan (<i>Content Analysis</i>)	143
4.10	Etika Penyelidikan	144
4.10.1	Menjaga Hak-hak Peribadi Responden	144
4.10.2	Merahsiakan Identiti Responden	144
4.10.3	Menggunakan Laras Bahasa yang mudah difahami	145
4.10.4	Batasan Penggunaan Maklumat Penyelidikan	145
4.11	Kesimpulan	145

BAB 5 STRUKTUR PENGETAHUAN KEMISKINAN DARI PERSPEKTIF RESPONDEN

5.1	Pengenalan	147
5.2	Latar Belakang Responden di Mukim Sri Medan	148
5.2.1	Latar Belakang Responden	148
5.2.2	Tahap Pendidikan Responden	149
5.2.3	Bilangan Anak Responden	150
5.3	Profil Sosioekonomi Responden	151
5.3.1	Taburan Jenis Pekerjaan Responden di Mukim Sri Medan	151
5.3.2	Tahap Pendapatan Responden	157
5.3.3	Tabungan/Simpanan Responden Sewaktu Kajian Dilakukan	159
5.3.4	Hutang Responden Sewaktu Kajian Dilakukan	161
5.3.5	Perbelanjaan Bulanan oleh Responden	163
5.3.6	Tahap Kesihatan Responden	164
5.4	Pemilikan Harta	166
5.4.1	Pemilikan Harta Responden	167
5.4.1(a)	Pemilikan Tanah	167
5.4.1(b)	Pemilikan Rumah	169
5.4.1(c)	Pemilikan Kenderaan	170
5.4.2	Pemilikan Barang Kehendak	173
5.4.2(a)	Televisyen dan Langganan Astro	174
5.4.2(b)	Telefon Bimbit Pintar (<i>Smart Phone</i>)	175
5.4.2(c)	Set komputer atau komputer riba	177
5.4.2(d)	Set <i>Home Theatre</i>	178
5.5	Saiz Isi Rumah dan Tanggungan Responden	179
5.5.1	Latar Belakang Pendidikan Isi Rumah	180
5.5.2	Pekerjaan Isi Rumah	182
5.5.3	Pendapatan Isi Rumah yang Bekerja	184
5.6	Pelbagai Bantuan dan Peluang Kerajaan	185
5.6.1	Responden yang Mengetahui Bantuan Atau Program	186

	Kemiskinan yang disediakan	
5.6.2	Sumber Maklumat mengenai Bantuan Atau Program Kemiskinan	187
5.6.3	Program atau Bantuan Kemiskinan yang diketahui oleh Responden	189
5.6.4	Punca tidak mengetahui akan peluang yang terdapat di Mukim Sri Medan	191
5.6.5	Responden yang memperoleh Bantuan Kemiskinan	193
5.6.6	Jenis Bantuan yang diperoleh Responden	194
5.6.7	Taraf Hidup dan Pendapatan Responden Selepas Menerima Bantuan	199
	5.6.7(a) Taraf Hidup Responden	199
	5.6.7(b) Tahap Pendapatan Responden	200
5.6.8	Punca Responden Tidak Mendapat Bantuan Atau Program Kemiskinan	201
5.6.9	Pandangan Responden Mengenai Langkah Sewajarnya Untuk Mengatasi Kemiskinan	203
5.7	Keputusan Analisis Faktor ke atas 62 Item Kemiskinan	206
5.7.1	Ujian KMO dan Ujian <i>Barlett</i>	206
5.7.2	Ujian Kesahan (<i>Validity Analisis-Exploratory Factor Analysis</i>)	207
	5.7.2(a) Mengenal pasti Korelasi antara Faktor	210
	5.7.2(b) Mengekstrak Faktor	210
	5.7.2(c) Memutar Faktor	211
5.7.3	Faktor-faktor yang Menyebabkan Kemiskinan	231
	5.7.3(a) Faktor Bantuan	231
	5.7.3(b) Faktor Sikap	236
	5.7.3(c) Faktor Kemajuan	244
	5.7.3(d) Berdasarkan Nilai Min Skor dan Min	250
5.8	Kesimpulan	251

BAB 6 NARATIF FAKTOR KEMISKINAN DARI PENDUDUK MISKIN

6.1	Pengenalan	253
6.2	Faktor-faktor Ketidakupayaan di Mukim Sri Medan	254
6.2.1	Tahap Pendidikan dan Tahap Kemahiran	254

6.2.2	Tahap Pendapatan	261
6.2.3	Tahap Kesihatan	267
6.2.3(a)	Kecenderungan Responden Memilih Rawatan Tradisional dan Alternatif	272
6.2.4	Pemilikan Harta	280
6.2.4(a)	Pemilikan Aset Rumah	282
6.2.4(b)	Kehilangan Aset Tanah	285
6.2.4(c)	Kisah Aset Tanah yang Terjual	287
6.2.5	Kos Sara Hidup	289
6.2.6	Pendedahan kepada Maklumat mengenai Bantuan atau Program Kemiskinan	294
6.2.6(a)	Permohonan Bantuan atau Program Kemiskinan menerusi Atas Talian	295
6.2.6(b)	Lokasi Penempatan Responden	298
6.2.6(c)	Hubungan antara Responden dan Pihak Terlibat	300
6.2.7	Hak Bersuara Golongan Miskin	301
6.3	Kaitan antara Faktor Ketidakupayaan dan Budaya Kemiskinan	305
6.3.1	Cepat Berputus Asa	306
6.3.2	Berserah Kepada Takdir	309
6.3.3	Sikap Malas Golongan Miskin	314
6.3.4	Tidak berkeyakinan untuk mengatasi Kemiskinan	319
6.3.5	Tidak mempunyai Semangat yang Tinggi	322
6.4	Bantuan	326
6.5	Kesan Kemiskinan Kepada Anak-anak Responden	329
6.5.1	Kesan Positif	329
6.5.2	Kesan Negatif	333
6.6	Konflik Kekeluargaan	340
6.6.1	Sikap Enggan Bekerjasama	340
6.6.2	Rasa Malu untuk Mengaku Keluarga	345
6.7	Ah Long dan Golongan Miskin	346
6.8	Kesimpulan	349

BAB 7 KESIMPULAN

7.1	Pengenalan	351
7.2	Ringkasan Penemuan Utama	351
7.3	Implikasi Teori dan Konsep	354
7.4	Sumbangan Hasil Kajian	358
7.5	Implikasi Polisi Terhadap Program Pembasmian Kemiskinan	360
7.6	Cadangan Penyelidikan Lanjutan	362

BIBLIOGRAFI	364
--------------------	-----

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

		Halaman
Jadual 1.1	Insiden Kemiskinan Mengikut Kaum, 1970	7
Jadual 1.2	Insiden Kemiskinan Mengikut Kaum, 2012	7
Jadual 2.1	Konsep Kemiskinan dan Glosari	16
Jadual 2.2	Pendapatan Garis Kemiskinan	22
Jadual 2.3	Kemiskinan Mutlak di Bandar dan Luar Bandar (peratusan di bawah PGK)	23
Jadual 3.1	Insiden Kemiskinan Mengikut Etnik, Strata, Malaysia, 1970-2014	71
Jadual 3.2	Pencapaian Pengurangan Kadar Kemiskinan di Malaysia	80
Jadual 3.3	Kadar Kemiskinan di Malaysia	82
Jadual 3.4	Manfaat MBE kepada rakyat	84
Jadual 3.5	Dasar dan Strategi Kemiskinan di Malaysia	85
Jadual 3.6	Pelaksanaan Program Pembasmian Kemiskinan Luar Bandar di Malaysia oleh Pelbagai Agensi	91
Jadual 3.7	Penambahbaikan RMKe-10 dalam RMKe-11	101
Jadual 4.1	Insiden Kemiskinan Mengikut Negeri, 2009 dan 2012	117
Jadual 4.2	Kadar Kemiskinan di Johor Mengikut Daerah, 2010	117
Jadual 4.3	Keluasan, Bilangan Penduduk, Bilangan Kaum Melayu dan Bilangan Ketua Isi Rumah Miskin di Daerah Batu, Pahat, Johor.	118
Jadual 4.4	Reka Bentuk Soal Selidik	131
Jadual 4.5	Pemarkatan Skala <i>Likert</i>	132
Jadual 4.6	Min Skor untuk Tahap Persetujuan	137
Jadual 5.1	Latar Belakang Responden	148
Jadual 5.2	Tahap Pendidikan Responden	149
Jadual 5.3	Bilangan Anak Responden	150

Jadual 5.4	Jenis Pekerjaan Responden	152
Jadual 5.5	Tahap Pendapatan Responden	157
Jadual 5.6	Tabungan/Simpanan Responden	160
Jadual 5.7	Jumlah Hutang Responden	162
Jadual 5.8	Perbelanjaan yang Diperuntukkan Untuk Sebulan oleh Responden	163
Jadual 5.9	Tahap Kesihatan Responden	164
Jadual 5.10	Pemilikan Tanah oleh Responden	168
Jadual 5.11	Pemilikan Rumah oleh Responden	169
Jadual 5.12	Pemilikan Kenderaan oleh Responden	171
Jadual 5.13	Pemilikan Televisyen Skrin Nipis dan Langganan Astro oleh Responden	174
Jadual 5.14	Pemilikan Telefon Bimbit Pintar (<i>Smart Phone</i>) oleh Responden	176
Jadual 5.15	Pemilikan Komputer atau Komputer Riba oleh Responden	177
Jadual 5.16	Set <i>Home Theatre</i> oleh Responden	178
Jadual 5.17	Jumlah Isi Rumah	179
Jadual 5.18	Julat Umur Isi Rumah	180
Jadual 5.19	Tahap Pendidikan Isi Rumah Sewaktu Kajian Dilakukan	181
Jadual 5.20	Tahap Pendidikan Isi Rumah yang masih bersekolah semasa kajian dijalankan	182
Jadual 5.21	Jenis Pekerjaan Isi Rumah di Mukim Sri Medan	183
Jadual 5.22	Pendapatan Bulanan Isi Rumah yang Bekerja	184
Jadual 5.23	Jenis Bantuan atau Program Kemiskinan yang diketahui oleh Responden	189
Jadual 5.24	Punca Responden tidak mengetahui tentang Jenis Bantuan atau Program Kemiskinan	191
Jadual 5.25	Jenis Bantuan yang diperoleh Responden	194
Jadual 5.26	Taraf Hidup Responden Selepas Menerima Bantuan	199

Jadual 5.27	Tahap Pendapatan Responden Selepas Menerima Bantuan	200
Jadual 5.28	Punca Tidak Memperoleh Bantuan	201
Jadual 5.29	Pandangan Responden Mengenai Langkah Yang Tepat untuk Mengatasi Kemiskinan	203
Jadual 5.30	Ujian <i>KMO</i> dan <i>Bartlett's</i>	206
Jadual 5.31	Senarai 62 Item dalam Penentu Halangan Menyebabkan Kemiskinan di Mukim Sri Medan	208
Jadual 5.32	<i>Communalities</i>	212
Jadual 5.33	<i>Total Variance Explains</i>	216
Jadual 5.34	<i>Component Matrix</i>	221
Jadual 5.35	<i>Rotated Component Matrix</i>	224
Jadual 5.36	Taburan Kekekapan, Peratus dan Min Skor Bagi Faktor Halangan Bantuan	232
Jadual 5.37	Taburan Kekekapan, Peratusan dan Min Skor Bagi Faktor Halangan Sikap	236
Jadual 5.38	Taburan Kekekapan, Peratusan dan Min Skor Bagi Faktor Halangan Kemajuan	245
Jadual 5.39	Nilai Min Skor Terhadap Tahap Faktor-faktor Halangan Kemiskinan	250
Jadual 5.40	Taburan Min Keseluruhan Kepada Faktor-faktor Halangan Yang Menyebabkan Kemiskinan	251
Jadual 6.1	Maklumat Responden di Kawasan Kajian	255
Jadual 6.2	Maklumat Responden di Kawasan Kajian	262
Jadual 6.3	Maklumat Responden di Kawasan Kajian	267
Jadual 6.4	Maklumat Responden di Kawasan Kajian	280
Jadual 6.5	Maklumat Responden di Kawasan Kajian	289
Jadual 6.6	Maklumat Responden di Kawasan Kajian	295
Jadual 6.7	Maklumat Responden di Kawasan Kajian	301

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1 <i>The Cycle of Deprivation</i>	36
Rajah 2.2 Kerangka Konseptual Kajian	64
Rajah 4.1 Kedudukan Negeri Johor dalam Semenanjung Malaysia	120
Rajah 4.2 Kedudukan Daerah Batu Pahat dalam Negeri Johor	121
Rajah 4.3 Kedudukan Mukim-mukim dalam Daerah Batu Pahat, Johor	122
Rajah 4.4 Bilangan Ketua Isi Rumah Miskin di Mukim Seri Medan, Batu Pahat, Johor	125
Rajah 4.5 Taburan Aktiviti Ekonomi dan Kemudahan Awam di Mukim Sri Medan	126
Rajah 4.6 Tata cara Analisis Faktor	142
Rajah 5.1 Pengetahuan Responden Terhadap Bantuan dan Peluang di Mukim Sri Medan	187
Rajah 5.2 Sumber Maklumat yang diperoleh Responden di Mukim Sri Medan	188
Rajah 5.3 Pengetahuan Responden yang memperoleh bantuan kemiskinan sewaktu kajian dilakukan	194
Rajah 6.1 Hubungkait Pendidikan dan Kemahiran dengan Pekerjaan	261
Rajah 6.2 Pengetahuan Punca Kemiskinan dari Perspektif Penduduk Miskin	305
Rajah 7.1 Pengetahuan Punca Kemiskinan dari Perspektif Penduduk Miskin	355
Rajah 7.2 Kerangka Konseptual Mengenai Ketidakupayaan dan Budaya Kemiskinan di Mukim Sri Medan, Batu Pahat, Johor	357

SENARAI FOTO

		Halaman
Foto 4.1	Ladang Kelapa Sawit di Mukim Sri Medan di mana Sebahagian Responden Bekerja	127
Foto 4.2	Penyemaian Benih Biji Kelapa Sawit di Mukim Sri Medan	127
Foto 6.1	Aktiviti Penjualan Kuih-muih di Pekan Sri Medan	256
Foto 6.2	Lokasi Responden L6 bekerja	260
Foto 6.3	Responden L5	270
Foto 6.4	Keadaan Rumah Responden	283
Foto 6.5	Laluan yang sempit dan terpencil ke rumah responden	299

SENARAI SINGKATAN

DEB	Dasar Ekonomi Baru
DPN	Dasar Pembangunan Nasional
EPU	<i>Economic Planning Unit</i>
KIR	Ketua Isi Rumah
KKLBW	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
KMO	<i>Kaiser-Meyer-Olkin</i>
LIH	Isi Rumah Berpendapatan Rendah
MBE	Model Baru Ekonomi
MDG	<i>Millenium Development Goal</i>
NKRA	Bidang Keberhasilan Utama Negara
PGK	Pendapatan Garis Kemiskinan
RRJP1	Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama
RRJP2	Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua
SDGs	<i>Sustainable Development Goals</i>
UNDP	<i>United Nation Development Programme</i>

**PENGETAHUAN KEMISKINAN DALAM KALANGAN MASYARAKAT
MELAYU DI MUKIM SRI MEDAN, BATU PAHAT, JOHOR**

ABSTRAK

Pengetahuan Kemiskinan merupakan satu pendekatan dalam memahami punca-punca kemiskinan dengan lebih tepat dari perspektif golongan miskin, iaitu tahap pendidikan rendah, tahap pendapatan rendah dan tahap pemilikan harta yang rendah. Tanpa disedari, golongan miskin telah mewujudkan budaya kemiskinan sebagai respon terhadap kemiskinan yang mereka alami. Budaya kemiskinan adalah suatu keadaan gaya hidup yang dikaitkan dengan sikap-sikap negatif seperti malas berusaha, kurang bermotivasi, tidak berkeyakinan, cepat berputus asa dan berserah kepada takdir yang menyebabkan seseorang atau sekumpulan orang kekal hidup dalam kemiskinan. Masyarakat Melayu dikaitkan dengan golongan yang mempunyai sikap negatif sehingga menjadi punca berlakunya kemiskinan. Di Malaysia, kaum Melayu mencatatkan peratusan kemiskinan paling tinggi berbanding kaum lain. Dari tahun 1970 hingga kini, peratusan kemiskinan kaum Melayu mencatatkan 0.8 peratus berbanding kaum Cina dan India, masing-masing 0.1 peratus dan 0.6 peratus. Sikap malas berusaha dianggap punca masyarakat Melayu hidup dalam kemiskinan. Objektif kajian ini adalah i) untuk meneroka punca-punca kemiskinan dalam masyarakat Melayu di Mukim Sri Medan, ii) untuk mengkaji peluang yang ada di sekitar Mukim Sri Medan yang boleh dimanfaatkan oleh golongan miskin dan iii) untuk menganalisis faktor utama yang menyebabkan berlakunya kemiskinan dari perspektif golongan miskin. Kajian soal selidik telah dijalankan ke atas 313 responden ketua isi rumah Melayu miskin yang diperoleh menerusi Sistem

e-Kasih di Mukim Sri Medan. Daripada angka ini, seramai 30 responden telah dipilih untuk dijalankan sesi temu bual mendalam. Maklumat yang dikumpul menggunakan borang soal selidik telah dianalisis menggunakan *Statistical Packages of Social Sciences* (SPSS) bagi mendapatkan data dalam bentuk frekuensi, min dan min skor. Analisis Faktor dijalankan ke atas 62 item faktor kemiskinan bagi mengenal pasti faktor utama yang mewujudkan budaya kemiskinan di Mukim Sri Medan. Hasil analisis telah berjaya membentuk tiga faktor utama yang mewujudkan budaya kemiskinan di Mukim Sri Medan, iaitu i) Faktor Kemajuan, ii) Faktor Sikap dan iii) Faktor Bantuan. Nilai min skor menunjukkan faktor paling dominan yang menyebabkan mereka hidup dalam kemiskinan adalah Faktor Sikap iaitu 3.17. Namun, hasil analisis kualitatif menunjukkan faktor Ketidakupayaan seperti tahap pendidikan yang rendah, tahap kesihatan dan pemilikan harta yang rendah adalah punca utama mengapa responden kekal hidup dalam kemiskinan. Kajian ini telah membuka satu ruang untuk memahami kejadian kemiskinan dengan menonjolkan faktor Ketidakupayaan sebagai faktor utama kemiskinan di Mukim Sri Medan. Kajian ini menyumbang kepada pemahaman tentang budaya kemiskinan, dan dengan itu strategi yang efektif boleh dicadangkan bagi mengurangkan kemiskinan.

**POVERTY KNOWLEDGE AMONG MALAY SOCIETY IN MUKIM SRI
MEDAN, BATU PAHAT, JOHOR**

ABSTRACT

Poverty Knowledge is an approach that is used to understand the root causes of poverty, much precisely from the perspective of the poor, which stands for those with lack of education, lack of income and lack of property ownership. Unknowingly, the poor have created a culture of poverty in response to their poverty. Culture of poverty is a state of a lifestyle correlated with negative attitudes such as laziness, lack of motivation, lack of confidence, easy to give up and surrender to fate, which causes a person or community to keep on living in poverty. The Malay community is associated with those who have negative attitudes, which lead to poverty. In Malaysia, the Malay had the highest percentage of poverty than other races. From 1970 to date, the percentage of poverty among the Malay had stated 0.8 percent compared to the Chinese and Indian, respectively 0.1 percent and 0.6 percent. Shiftless or laziness is the attitude that considered as the cause of the Malay living in poverty. The objectives of this study are i) to explore the causes of poverty in the Malay community in Mukim Sri Medan, ii) to determine the opportunities available around Mukim Sri Medan which could be benefited by the poor and iii) to analyze the main factor that creates poverty from their perspectives. A questionnaire survey was conducted on 313 poor Malay head of households, which were obtained through Mukim Sri Medan's e-Kasih system. From this, 30 respondents were selected for the in-depth interview session. Information that was collected using questionnaire were analyzed using the *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) to obtained data in

the form of frequencies, mean and mean score. Factor analysis was conducted on 62 factors of poverty to identify the main factor that creates a culture of poverty in Mukim Sri Medan. This study found that there are three main factors that create a culture of poverty in Mukim Sri Medan, which are, i) Progress Factor ii) Attitude Factor and iii) Aid Factor. Mean score value showed that the dominant factors that cause them to live in poverty were Attitude Factor, which was 3.17. However, qualitative analysis indicated that Inability factor, such as lack of education, lack of healthcare and lack of property ownership were the main causes that keep the respondents to live in poverty. This study provides understanding of poverty that highlights Inability as the key factor for poverty incidence in Mukim Sri Medan. This study contributes to the understanding of the culture of poverty and therefore the effective strategies can be suggested to eradicate poverty.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Kemiskinan merupakan situasi yang tidak menguntungkan dialami oleh golongan miskin disebabkan oleh ketidaksamaan dan kekurangan di mana kebanyakannya dialami oleh negara sedang membangun (Sharifah Rohayah dan Suet Leng, 2016). Kadar kemiskinan yang dianggarkan oleh Bank Dunia pada tahun 2008 masih kekal tertinggi di Asia iaitu mencatatkan 36 peratus dan diikuti 14.3 peratus di Asia Tenggara dan Asia Barat dengan pendapatan penduduknya berada di bawah US \$1.25 sehari (Mok *et al.*, 2013). Dianggarkan sebanyak 1.6 juta penduduk di Algeria mengalami kebuluran makanan disebabkan tahap pendapatan di bawah paras garis kemiskinan (Senadjki, Saidatulakmal dan Jamaluddin Sulaiman, 2012). Kemiskinan melibatkan pelbagai aspek dan bukannya fenomena biasa (Azlinda *et al.*, 2010). Lantaran itu, sehingga kini isu kemiskinan masih belum dapat dibasmi sepenuhnya sama ada di negara maju atau pun negara sedang membangun (AbulHasan, 2002; Trainer 2002; Chamhuri dan Mohd Yusof, 1997; Pramanik *et al.*, 2008). Alkire (2013) mendapati kemiskinan mempunyai pelbagai dimensi dan bukan sahaja melibatkan kewangan semata-mata, kemiskinan juga perlulah dikaitkan dengan kekurangan dari segi keperluan sama ada melibatkan makanan, rumah (tempat berteduh), penjagaan kesihatan dan keselamatan (Bradshaw, 2009). Kemiskinan juga perlu diteliti dari sudut pendidikan, kesihatan, budaya, kekurangan maklumat (Azlinda Azman *et al.*, 2010), pemakanan, perkhidmatan, pemilikan harta dan pekerjaan bagi memahami kemiskinan secara lebih jelas. Berdasarkan Laporan *Fight Poverty* (2011), kemiskinan secara ringkasnya digambarkan dalam bentuk kelaparan,

kekurangan tempat perlindungan, tahap kesihatan rendah sehingga golongan miskin tidak mampu untuk mendapatkan khidmat perubatan. Kemiskinan bukan sahaja tidak mendapat pendidikan yang sempurna dan tidak tahu membaca, bukan juga tidak mempunyai pekerjaan tetap, tetapi kemiskinan juga telah menimbulkan ketakutan dan kebimbangan kepada golongan miskin dalam menghadapi kos sara hidup yang semakin meningkat dengan hanya mempunyai pendapatan sebanyak USD1 setiap hari. Kemiskinan juga memberi kesan terhadap peningkatan kadar kematian kanak-kanak disebabkan penyakit yang diperolehi daripada sumber air yang tidak bersih terutamanya di negara mundur dan juga menyebabkan golongan miskin berasa tidak berdaya (kuasa), kurang bergaul serta kebebasan yang terhad untuk bergaul dengan masyarakat setempat.

Sehingga kini, isu kemiskinan masih belum dapat diatasi dengan sepenuhnya sama ada di peringkat global mahupun di peringkat tempatan walaupun telah pelbagai usaha dan strategi telah diatur untuk menghapuskan kemiskinan secara total. Pembasmian kemiskinan sepenuhnya juga menjadi salah satu tunjang daripada 8 matlamat yang ditetapkan oleh *Millennium Development Goals* (MDG) iaitu untuk mengurangkan separuh insiden ekstrem kemiskinan yang dialami oleh mereka yang mempunyai pendapatan USD1 sehari serta mengurangkan separuh kadar kebuluran di dunia pada tahun 2015 (UNDP, 2010; Ragayah, 2009). Sebenarnya, kadar kemiskinan semakin meningkat di seluruh negara (Massey dan John, 1998; Scheh dan Haggis, 2002) walaupun angka yang dipaparkan mencatatkan penurunan. Hal ini kerana golongan miskin sangat mudah terdedah kepada risiko seperti peningkatan kos sara hidup yang didapati semakin menekan kehidupan golongan miskin yang kebanyakannya mempunyai tahap pendapatan rendah. Menurut UN *Research Institute for Social Development* (UNRISD, 2000; Rice, 2006) menganggarkan

jumlah penduduk miskin yang berpendapatan kurang daripada USD1 sehari meningkat daripada 1 196 500 000 pada tahun 1987 kepada 1 214 200 000 pada tahun 1998 dan senario terkini hampir 4 bilion daripada penduduk dunia memiliki pendapatan kurang daripada USD2 sehari (Prahalad dan Hammond, 2002; Rena, 2007). Berdasarkan statistik yang dipaparkan oleh World Bank pada tahun 1998, 2.8 bilion penduduk dunia mempunyai pendapatan kurang daripada USD2 sehari dan 1.2 bilion pula memperoleh pendapatan kurang daripada USD1 sehari terdiri daripada mereka yang tinggal di Asia Tenggara, Sub-Sahara Afrika, Asia Timur dan Pasifik. Dijangkakan dalam tempoh 25 tahun akan berlaku peningkatan pertumbuhan sebanyak 2 bilion penduduk dunia iaitu dianggarkan seramai hampir 10 bilion. Pertambahan penduduk dilihat akan memberi kesan kepada peningkatan kadar pengangguran dan kadar kemiskinan yang sedia ada (Rumbewas, 2005). Peningkatan jumlah kemiskinan ini berlaku disebabkan faedah daripada pertumbuhan sesebuah negara tidak merebak secara sempurna sehingga tidak dapat dinikmati oleh golongan miskin seperti yang berlaku di Asia, Amerika Latin dan sub-Sahara Afrika (Sklair, 2002). Kemiskinan telah memerangkap golongan miskin ke dalam putaran ganas kemiskinan sehingga golongan ini tidak mampu untuk keluar daripada belenggu kemiskinan disebabkan golongan miskin memiliki tahap pendapatan rendah, tahap pendidikan rendah, tahap kesihatan rendah dan lain-lain (Sachs, 2005; Shepherd, 2007) yang kemudiannya akan diwarisi kepada generasi seterusnya (Knox, 1994). Hidup dalam kemiskinan telah memberi pelbagai impak negatif kepada golongan miskin dalam meneruskan kehidupan harian mereka contohnya di Pakistan, buruh-buruh miskin terpaksa menjual buah pinggang mereka untuk membayar hutang manakala di Nigeria pula kemiskinan telah memaksa ibu

bapa memberikan rumput dan daun-daun kering sebagai makanan kepada anak-anak mereka untuk mengatasi kelaparan.

Kehidupan serba miskin telah menyebabkan beberapa sarjana memberikan tanggapan negatif kepada golongan miskin. Gilbert dan Gulger (1982) serta Syed Husin (1986) telah menyatakan kemiskinan adalah berpunca daripada golongan miskin itu sendiri seperti yang dijelaskan oleh Oscar Lewis di dalam Teori Budaya Kemiskinan pada lewat 1950-an. Dalam teori ini, golongan miskin telah dianggap malas berusaha, tidak tetap pendirian dan tidak bertanggungjawab, dan teori ini telah dipersetujui oleh para sarjana lain dan pemerintah (Bhatt, 1991; Remenyi, 1991), sehingga telah menjadi trend dalam pemikiran mereka (Mohamed Zaini Omar, 2010). Kesannya, golongan miskin didapati telah terpinggir daripada menikmati peluang dan kemudahan yang disediakan oleh pihak pemerintah berikutan wujudnya diskriminasi terhadap golongan miskin seperti yang dinyatakan oleh Abramovitz (1996), Gan (1995), Gilens (2005), Hancock (2004), Katz (1989, 1995). Oleh itu, pendekatan Pengetahuan Kemiskinan yang diperkenalkan oleh Wilson (1987) bertujuan untuk tidak menyalahkan golongan miskin sebagai golongan yang mempunyai sikap negatif tetapi lebih melihat kepada faktor-faktor lain yang menyebabkan golongan miskin hidup dalam kemiskinan. Pendekatan Pengetahuan Kemiskinan ini merupakan pendekatan yang tepat dalam memahami situasi yang dialami oleh golongan miskin (Krumer-Nevo dan Benjamin, 2010).

1.2 Isu dan Pernyataan Masalah

Justeru itu, isu utama dalam kajian ini adalah untuk mengenal pasti siapakah sebenarnya golongan miskin dan apakah punca-punca yang menyebabkan mereka masih hidup dalam kemiskinan menerusi pendekatan Pengetahuan Kemiskinan. Hal

ini kerana wujudnya pelbagai definisi yang telah digariskan untuk menentukan siapakah golongan miskin. Berdasarkan laporan *Chronic Poverty Research Centre* (2008) golongan miskin merupakan mereka yang mempunyai pendapatan di bawah paras garis kemiskinan dan kemiskinan perlu dilihat dalam pelbagai dimensi bukannya dalam satu dimensi sahaja. Pandangan Islam (2009) mengenai kemiskinan adalah dengan cara memahami kemiskinan secara tepat iaitu melihat kepada kombinasi kuasa beli rendah, tahap keupayaan terhad, tidak berdaya dan tidak mempunyai kuasa. Keadaan ini menyebabkan golongan miskin berasakan peluang untuk mereka keluar daripada belunggu kemiskinan adalah sangat terhad dan terdapat potensi generasi seterusnya turut hidup dalam kemiskinan. Pelbagai kelemahan seperti kesihatan dan pendidikan, pemilikan harta yang rendah atau berlakunya peminggiran sosial turut menyebabkan mereka kekal hidup dalam kemiskinan. Contohnya, di Afrika Selatan terdapat 12 dimensi penting yang dijadikan penanda aras dalam menentukan siapakah golongan miskin ini iaitu dari segi bekalan air bersih, kesihatan, akses kesihatan, rumah, pekerjaan, pendidikan, kebebasan, nutrisi, keselamatan, maruah dan hormat, daya hidup dan agama. Oleh itu, setiap golongan miskin perlulah dikenal pasti dengan mendalam supaya tidak berlaku keciciran dalam memperoleh bantuan dan peluang yang disediakan.

Isu kedua yang ingin dikupas oleh penyelidik adakah kesan daripada hidup dalam kemiskinan akan mewujudkan budaya kemiskinan menjadi punca golongan miskin gagal untuk keluar daripada belunggu kemiskinan. Hal ini kerana terdapat pelbagai sarjana menyatakan kemiskinan berlaku adalah disebabkan oleh faktor diri mereka sendiri bukannya disebabkan oleh struktur sosial (*social structures*). Golongan miskin dilihat telah menyesuaikan kelakuan (*behaviours*) dan membesarkan anak-anak mereka dalam bentuk yang sama iaitu dari segi kemahiran, kepercayaan dan

sikap seperti mereka. Keadaan ini menyebabkan pelbagai pihak menyalahkan golongan miskin hidup dalam kemiskinan adalah disebabkan faktor kemalasan dan sikap tidak bertanggungjawab sehingga mereka kekal hidup dalam kemiskinan.

Kemiskinan di Malaysia sentiasa dikaitkan dengan kaum Melayu khususnya di luar bandar sejak dari tahun 1970 sehingga kini. Apabila kemiskinan ini dibandingkan dengan kaum lain terutamanya kaum Cina, kaum Melayu masih mencatatkan kadar peratusan tertinggi iaitu sebanyak 2 peratus berbanding kaum Cina sebanyak 0.3 peratus pada tahun 2012 (Muhammed Abdul Khalid, 2014). Kebanyakan pengkaji mendapati kemiskinan kaum Melayu adalah disebabkan oleh pelbagai faktor seperti tahap kesihatan, pendapatan dan pendidikan yang rendah, tahap kemahiran, pengangguran, keadaan rumah yang tidak selamat, pekerjaan yang tidak terjamin, tidak menikmati keperluan moden, sikap hidup yang negatif dan berfikiran kolot (Osman Rani Hassan dan Abdul Majid Salleh, 1988). Kaum Melayu telah dilabel sebagai miskin dengan ciri budaya dan adat resam yang mundur (Maxwell, 1884; Skest, 1900, Wilkinson dan Winstead, 1908). Kemudiannya, menerusi penulisan beberapa sarjana seperti Djamour (1965), Swift (1965), Wilson (1967), Parkinson (1967) dan Ness (1967) merumuskan kemiskinan kaum Melayu adalah berpunca daripada sikap, nilai dan budaya kaum Melayu itu sendiri. Kaum Melayu dikatakan mempunyai sikap negatif seperti sikap malas, pemboros, percaya pada nasib dan rezeki, tidak mempunyai dorongan pencapaian tinggi, merendah diri yang berlebihan dan cepat mengalah dalam persaingan merebut peluang hidup yang lebih baik berbanding kaum lain.

Berdasarkan pemerhatian Munshi Abdullah (1965) terhadap kaum Melayu, beliau mendapati kaum lelaki malas bekerja dan kerap membuang masa dengan perkara

yang tidak mendatangkan pendapatan seperti menyabung ayam dan duduk berbual-bual di kedai kopi. Sebaliknya, kaum wanita pula yang lebih rajin menjalankan perniagaan. Lantaran itu, beliau telah menyelar kaum lelaki sebagai pemalas dan menjadi punca keluarga mereka hidup dalam kemiskinan. Beliau turut berpendapat kemiskinan kaum Melayu adalah berpunca daripada salah faham dari segi konsep 'rezeki dan takdir' menyebabkan kaum Melayu didapati seolah-olah malas untuk berusaha dan hanya menyerahkan kepada takdir semata-mata serta redha hidup dalam kemiskinan. Lantaran itu, kaum Melayu telah dilabelkan sebagai pemalas oleh penjajah sejak empat abad yang lalu dan ianya masih kedengaran sehingga kini. Berdasarkan Jadual 1.1 insiden kemiskinan tertinggi pada tahun 1970 merupakan kaum Melayu iaitu sebanyak 64.8 peratus berbanding kaum lain.

Jadual 1.1 Insiden Kemiskinan Mengikut Kaum, 1970

Kaum	Insiden Kemiskinan (%)
Melayu	64.8
Cina	26.0
India	39.2

(Sumber: Unit Perancang Ekonomi, 2012)

Seterusnya pada tahun 2012, menunjukkan insiden kemiskinan pada tahun 2012 mencatatkan pengurangan insiden kemiskinan di Malaysia, namun kaum Melayu masih kekal mencatatkan kemiskinan tertinggi iaitu 2.2 peratus berbanding kaum lain (Jadual 1.2).

Jadual 1.2 Insiden Kemiskinan Mengikut Kaum, 2012

Kaum	Insiden Kemiskinan (%)
Bumiputera¹	2.2
Cina	0.3
India	1.8

(Sumber: Unit Perancang Ekonomi, 2012)

¹ Istilah Bumiputera telah digunakan selepas tahun 1970 di mana Bumiputera merujuk kepada kaum Melayu dan Pribumi di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Oleh itu, dalam Jadual 1.2 merujuk kepada kedua-dua etnik Melayu dan Pribumi.

Berdasarkan Jadual 1.1 dan Jadual 1.2, jelas menunjukkan kemiskinan kaum Melayu masih mencatatkan peratusan tertinggi berbanding kaum lain dan ianya masih belum dapat diatasi sepenuhnya oleh pihak kerajaan. Sekali lagi, terdapat beberapa pihak yang telah melabelkan kaum Melayu miskin adalah disebabkan oleh sikap malas. Menurut mereka, golongan miskin mengambil sikap tidak endah dan sikap tidak berminat terhadap peluang-peluang yang telah diciptakan oleh pihak kerajaan dalam membasmi kemiskinan dan golongan miskin juga dilihat hanya mengharapkan bantuan kemiskinan semata-mata. Keadaan ini menyebabkan kaum Melayu yang hidup dalam kemiskinan sering dipandang rendah sehingga mewujudkan pelbagai tanggapan negatif terhadap mereka.

Sehubungan dengan itu, kajian ini akan melihat adakah disebabkan faktor sikap negatif seperti malas, berserah kepada takdir, mengharapkan bantuan semata-mata, dan cepat berputus asa yang menyebabkan kaum Melayu hidup dalam kemiskinan ataupun disebabkan oleh faktor ekonomi dan struktur yang sebenarnya menjadi punca mereka hidup dalam kemiskinan sehingga terwujudnya budaya kemiskinan sebagai reaksi mereka dalam menjalani kehidupan miskin.

1.3 Persoalan Kajian

Berdasarkan isu dan pernyataan masalah yang telah dikemukakan, kajian ini akan mengemukakan persoalan-persoalan berikut bagi konteks kawasan kajian:

1. Apakah punca-punca kemiskinan yang menyebabkan kaum Melayu di Mukim Sri Medan hidup dalam kemiskinan?
2. Bagaimanakah golongan miskin terdedah kepada peluang yang terdapat di Mukim Sri Medan?
3. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan kaum Melayu masih terperangkap dalam belenggu kemiskinan dari perspektif golongan miskin di kawasan kajian?

1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan kepada persoalan tersebut, kajian ini bertujuan untuk:

1. Meneroka punca-punca kemiskinan dalam kaum Melayu di Mukim Sri Medan.
2. Mengkaji peluang yang ada di sekitar Mukim Sri Medan yang boleh dimanfaatkan oleh golongan miskin.
3. Menganalisis faktor utama yang menyebabkan berlakunya kemiskinan dari perspektif golongan miskin di kawasan kajian.

1.5 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini adalah untuk memahami dengan lebih mendalam akan realiti kemiskinan kaum Melayu khususnya di luar bandar dengan mengetengahkan pendekatan Pengetahuan Kemiskinan dalam mengenal pasti punca-punca kemiskinan. Seterusnya untuk mengetahui bagaimana respon yang diberikan oleh golongan miskin terhadap situasi kemiskinan yang dialami dan adakah respon

tersebut telah mewujudkan budaya kemiskinan dalam kalangan kaum Melayu tanpa mereka sedari. Oleh itu, kajian ini akan dapat memberi gambaran akan sisi sebenar mengapa mereka kekal hidup dalam kemiskinan.

1.6 Batasan dan Skop Kajian

Bagi memastikan kajian ini lebih memfokus untuk menjawab objektif-objektif kajian seperti yang dinyatakan sebelum ini, penyelidik telah membataskan kajian ini kepada skop yang lebih kecil iaitu hanya memfokuskan kepada ketua isi rumah (KIR) Melayu di Mukim Sri Medan. Ianya akan dibincangkan dengan mendalam dalam bahagian seterusnya dalam bab 4 kaedah penyelidikan.

Melalui skop kajian juga penyelidik akan melihat kepada batasan tahap sosio-ekonomi responden seperti latar belakang, tahap pendidikan, jenis pekerjaan, tahap kesihatan, pemilikan harta dan faktor-faktor menyebabkan mereka kekal hidup dalam kemiskinan seperti disebabkan oleh sikap-sikap negatif, kekurangan maklumat mengenai program dan bantuan yang telah disediakan serta disebabkan oleh tekanan kemajuan yang di bawa oleh proses globalisasi turut dilihat memberi kesan dalam kehidupan golongan miskin. Oleh itu, batasan dan skop kajian dibina adalah untuk membolehkan penyelidik memberikan fokus yang lebih baik dalam kajian ini serta bersesuaian dengan masa kajian yang terhad.

1.7 Definisi Terma

Terdapat beberapa terminologi yang digunakan dalam kajian ini dikenal pasti sebagai penjelasan.

Budaya

Budaya ialah satu sistem pemahaman dan kelakuan yang melibatkan proses pembelajaran, komunikasi, sosialisasi dan modenisasi dan kemudiannya akan diwariskan kepada generasi seterusnya meliputi adat, nilai, tradisi dan kepercayaan serta bukannya diwarisi secara biologi (Amer Al-Roubaie, 2008; Sue dan Sue *et al.*, (1990) dalam Shamsul Amri Baharuddin, 2012; De Blij, 1995).

Budaya Kemiskinan

Budaya kemiskinan ialah gaya hidup yang spesifik seperti norma, budaya dan sikap yang sama dalam menghadapi kemiskinan sehingga mempengaruhi psikologi golongan miskin seperti cepat berputus asa, tidak berdikari, berserah kepada takdir, malas berusaha dan tidak berwawasan.

Ketua Isi Rumah (KIR)

Ketua isi rumah (KIR) ialah seorang berperanan penting mencari sumber pendapatan dan membuat keputusan ekonomi dan sosial untuk aktiviti rumah (Suriati, 1999).

Golongan Miskin

Golongan miskin ialah mereka yang mempunyai tahap pendapatan berada di bawah Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). Pada tahun 2012, PGK bagi Semenanjung Malaysia untuk bandar sebanyak RM 840 manakala luar bandar sebanyak RM 830.

Anggapan Penjajah

Anggapan penjajah terhadap punca-punca kemiskinan masyarakat Melayu adalah disebabkan sikap negatif yang diamalkan oleh masyarakat Melayu itu sendiri seperti malas, suka membuang masa dan tidak mahu berusaha berbanding kaum lain yang dilihat lebih bermotivasi, rajin bekerja dan bercita-cita tinggi.

Pendekatan Pengetahuan Kemiskinan

Pengetahuan Kemiskinan ialah menghuraikan faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya kemiskinan daripada perspektif golongan miskin dalam memahami kemiskinan dengan lebih tepat.

1.8 Organisasi Kajian

Penulisan tesis ini akan terbahagi kepada enam bab yang saling berkaitan di antara satu sama lain. Bab 1 merupakan latar belakang kepada pengenalan kepada penyelidikan yang dijalankan. Bab ini meliputi tentang pengenalan, isu dan persoalan kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, skop dan kepentingan kajian yang dilakukan oleh penyelidik.

Bab 2 pula menyorot beberapa pendekatan yang digunakan dalam menerangkan kemiskinan serta faktor-faktor menyebabkan kemiskinan serta mengupas mengenai budaya kemiskinan.

Bab 3 membincangkan latar belakang mengenai sejarah kemiskinan masyarakat Melayu dan mengkaji punca-punca kemiskinan ketika itu serta membincangkan dasar-dasar dan strategi-strategi kerajaan dalam membasmi kemiskinan.

Bab 4 membincangkan tentang metodologi kajian melibatkan gabungan kaedah kuantitatif dan kualitatif iaitu 60 peratus menerusi kaedah kuantitatif dan kaedah kualitatif pula akan menyokong data kuantitatif sebanyak 40 peratus dalam kajian penyelidikan. Dengan menggunakan instrumen borang soal, temu bual dan pemerhatian ikut serta.

Bab 5 membincangkan tentang penemuan dan analisis kajian untuk menjawab objektif-objektif yang telah diutarakan oleh penyelidik untuk mengetahui latar belakang sosio-ekonomi responden. Seterusnya, penyelidik akan menganalisis faktor-faktor yang menyebabkan kemiskinan di Mukim Sri Medan.

Bab 6 pula akan mengupas tentang punca-punca kemiskinan yang didasari oleh faktor ketidakupayaan sehingga membawa wujudnya budaya kemiskinan dalam kaum Melayu seperti disebabkan kekurangan aset, tahap pendidikan dan pendapatan rendah. Kesannya mewujudkan sikap-sikap negatif sebagai respons mereka menghadapi kemiskinan.

Bab 7 merupakan bab terakhir yang merumuskan hasil dan sumbangan hasil kajian kepada bidang ilmu dan juga cadangan polisi mengenai kemiskinan yang dialami oleh kaum Melayu.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR KEMISKINAN

2.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan kajian-kajian lepas yang menjadi asas untuk menyokong kajian ini secara keseluruhan. Antara aspek yang menjadi asas dalam kajian ini ialah mengenai pendekatan saintifik dan struktur dalam melihat kemiskinan dan gabungan kedua-dua pendekatan ini dalam melihat budaya kemiskinan. Terdapat juga fakta-fakta yang diperoleh daripada kajian-kajian lepas dapat digunakan dalam menyokong kajian ini. Perkara spesifik yang akan dihuraikan dalam kajian ini akan meliputi pendekatan saintifik dan pendekatan struktur dalam memahami kemiskinan dengan lebih mendalam.

2.2 Beberapa Pendekatan dalam Melihat Kemiskinan

Konsep kemiskinan merangkumi pelbagai dimensi (Chamhuri Siwar dan Mohd. Hafiah Piei, 1988; Akerele *et al.*, 2012) kerana fenomena kemiskinan bersifat universal dan berbeza-beza mengikut masyarakat yang mengalaminya (Mohd. Taib Dora, 2000) serta jarang dihuraikan dalam satu dimensi (Davids dan Amanda, 2011). Maka, untuk membasmi kemiskinan memerlukan pendekatan dasar yang berlainan (Kamal Salih, 1977). Menurut Osman Rani dan Abdul Majid Salleh (1988) kemiskinan merupakan satu “sindrom situasi” melibatkan pelbagai faktor antaranya kekurangan sumber makanan dan taraf kesihatan rendah, pendapatan rendah, pengangguran, keadaan perumahan yang tidak selamat, taraf pendidikan yang rendah, tidak menikmati arus pembangunan, pekerjaan tidak terjamin, sikap negatif terhadap kehidupan serta berfikiran kolot dengan menolak arus pembangunan. Pendapat

Abulhassan (2002) turut menyatakan punca-punca kemiskinan adalah disebabkan golongan miskin mempunyai tahap pendapatan, kesihatan, pendidikan yang rendah serta kekurangan infrastruktur. Hal ini menyebabkan golongan miskin tidak mampu bersaing dengan golongan lain. Tuan Pah Rokiah dan Hamidi Ismail (2002) menyifatkan punca kemiskinan adalah disebabkan tidak berpelajaran atau mempunyai tahap pendidikan rendah telah menyukarkan lagi kehidupan golongan miskin untuk terlepas daripada belenggu kemiskinan dan seterusnya mendapatkan peluang pekerjaan yang lebih baik daripada sektor pertanian. Bourne (2008) menyimpulkan punca kemiskinan adalah disebabkan oleh kegagalan dalam mendapat pendapatan yang lebih tinggi dan ini secara tidak langsung dipengaruhi oleh pencapaian dalam tahap pendidikan yang rendah. McQuaid dan Lindsay (2002) menyatakan faktor tahap kemahiran dan pendidikan yang rendah telah menjadi penghalang utama kepada kebolehpayaan bekerja. Kesannya, peluang untuk golongan miskin yang kurang berkemahiran dan mempunyai tahap pendidikan rendah dalam mendapatkan peluang pekerjaan adalah nipis disebabkan perlu bersaing dengan tenaga buruh yang berkemahiran tinggi. Mohd Taib Dora (2000) pula merumuskan secara teorinya, apabila golongan miskin memiliki tahap pendidikan dan tahap pendapatan rendah, keupayaan untuk memiliki harta turut terbatas sama sekali. Situasi ini bertepatan dengan Teori Model Insan yang diperkenalkan oleh Schultz (1960) yang mendapati pendidikan dan kemahiran yang dimiliki oleh individu akan memberi kesan secara langsung kepada tingkat pendapatannya. Menurutnya lagi, tanpa memiliki pendidikan dan kemahiran, individu tersebut akan dilihat sebagai tidak mempunyai apa-apa. Justeru itu, dengan ketiadaan pendidikan dan kemahiran menjadi antara elemen yang menyumbang kepada berlakunya kemiskinan. Hal ini kerana kedua-dua elemen ini memainkan

peranan yang sangat penting dalam sektor pekerjaan terutamanya dalam dalam sektor perindustrian.

Oleh itu, terdapat pelbagai terminologi yang baru bagi menerangkan konsep kemiskinan seperti yang terdapat dalam Jadual 2.1.

Jadual 2.1: Konsep Kemiskinan dan Glosari

Kemiskinan (<i>Poverty</i>)	Biasanya merujuk kepada pendapatan rendah, tidak mempunyai kuasa membeli minimum dalam menyediakan keperluan asas seperti makanan, rumah atau pusat kesihatan. Pendapatan tidak menentu disebabkan pelbagai faktor serta aset yang tidak mencukupi.
Kekurangan (<i>Deprivation</i>)	Kekurangan secara fizikal merujuk dari segi kekurangan material dan perkhidmatan kesan daripada kemiskinan. Kekurangan juga dikaitkan dengan tidak berdaya, lemah dalam bersaing untuk meningkatkan pendapatan, perkhidmatan dan hak.
Kelemahan (<i>Vulnerability</i>)	Rasa tidak selamat yang dialami oleh golongan miskin disebabkan terdedah kepada pelbagai risiko yang menjadikan mereka lebih miskin daripada sebelum ini contohnya kehilangan pendapatan disebabkan sakit dan aset yang terhad.
Kelayakan (<i>Entitlement</i>)	Perlaksanaan dalam mengawal sumber dan aset seperti tanah, harta atau gaji dibezakan menerusi kelayakan individu dan isi rumah golongan miskin.
Aset	Sumber yang diperolehi oleh individu, isi rumah dan komuniti boleh digunakan untuk menebus apabila diperlukan contohnya apabila golongan miskin mempunyai aset (perumahan, tanah, peralatan dan pendidikan), simpanan (makanan, wang, barang bernilai) dan boleh dituntut oleh individu lain, penabung, kerajaan dan pihak lain yang berurusan dengan golongan miskin.

(Sumber: Wratten (1995), UN Habitat (1996), Moser *et al.*, (1994) dan Moser (1994)).

Berdasarkan konsep kemiskinan dalam Jadual 2.1, terdapat beberapa pendekatan telah digunakan oleh para sarjana Barat dalam mendefinisikan kemiskinan dan terbahagi kepada tiga bahagian dalam mengenal pasti punca-punca kemiskinan iaitu disebabkan oleh **1)** kesalahan golongan miskin itu sendiri, **2)** akibat daripada aktiviti

ekonomi, politik dan faktor budaya dan 3) keadaan yang tidak boleh dielakkan seperti sakit dan bernasib malang (Smith dan Stone, 1989; Oorschot dan Halman, 2002; Sun, 2001; Shek, 2004).

Terdapat pelbagai pendekatan yang digunakan untuk mengkaji kemiskinan mengikut disiplin yang dikaji oleh para sarjana. Oleh itu, hasil daripada sorotan literatur ini penyelidik telah menggolongkan punca-punca kemiskinan kepada tiga bahagian dalam memahami konsep iaitu menerusi:

- 1) Pendekatan Pengetahuan Kemiskinan
- 2) Pendekatan Saintifik
- 3) Pendekatan Struktur

Hal ini kerana terdapat pelbagai hujah yang diketengahkan oleh para sarjana dan penggubal dasar dalam melihat punca kemiskinan itu berlaku dan ada sebahagian menyokong punca kemiskinan adalah disebabkan oleh faktor sikap manakala sebahagian pula menyatakan kemiskinan adalah disebabkan oleh faktor struktur atau ekonomi (Jordan, 2004). Menerusi ketiga-tiga pendekatan ini, kemiskinan dapat dilihat dalam sudut yang pelbagai dan punca-punca yang menyebabkan mereka kekal hidup turut dapat dikenal pasti. Hal ini kerana walaupun pelbagai definisi telah diberikan dalam memahami kemiskinan, namun, sehingga kini tiada definisi yang sama dapat dicapai dalam memahami kemiskinan (Narimah *et al.*, 2012). Oleh itu, ketiga-tiga pendekatan yang digunakan oleh penyelidik ini akan mencuba memahami kemiskinan secara mendalam.

2.2.1 Pendekatan Pengetahuan Kemiskinan dalam Melihat Kemiskinan

Menurut sarjan seperti O'Connor (2001) dan Wilson (1987) 'masalah kemiskinan' memerlukan satu pendekatan baru dalam menghuraikan faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya kemiskinan (O'Connor, 2001) tanpa menyalahkan golongan miskin sebagai golongan yang mempunyai sikap negatif seperti menyerah kepada takdir semata-mata, malas berusaha dan tidak mempunyai motivasi, tetapi hendaklah melihat kepada faktor-faktor lain yang menyebabkan mereka kekal hidup dalam kemiskinan (Wright, 1993). Krumer-Nevo (2008) mendapati penggubal dasar sering meminggirkan pengalaman dan situasi yang dihadapi oleh golongan miskin ketika mendefinisikan kemiskinan. Kesannya, masalah kemiskinan tidak dapat dibasmi dengan sepenuhnya. Keadaan ini diburukkan lagi dengan pelaksanaan dasar dalam membasmi kemiskinan adalah mengikut perspektif mereka (penggubal dasar) bukannya daripada perspektif golongan miskin. Krumer-Nevo (2008) telah menyorot pandangan Lister dan Beresford (2000) dalam memahami kesalahan yang sering dilakukan oleh penggubal dasar kemiskinan mendapati mereka sering melihat golongan miskin sebagai objek dan bukannya sebagai subjek atau kumpulan yang perlu diberikan perhatian dalam memahami kemiskinan. Oleh itu, bantuan yang diberikan adalah tidak tepat dan tidak memberi manfaat kepada golongan miskin.

Oleh itu, pendekatan Pengetahuan Kemiskinan telah diperkenalkan supaya dapat melihat dimensi baru yang menjadi faktor kegagalan golongan miskin untuk keluar daripada belunggu kemiskinan dengan memberikan hak untuk mereka menyuarakan pendapat mengenai kemiskinan (Davids dan Gouws, 2013). Tujuannya adalah untuk mengetahui apakah faktor utama menyebabkan mereka masih tidak mampu keluar daripada kitaran ganas kemiskinan dengan lebih tepat. Menerusi pertanyaan secara

langsung iaitu perbualan dua hala akan dapat membantu penggubal dasar dalam menentukan strategi-strategi pembasmian dengan lebih tepat dan sekaligus dapat mengurangkan kemiskinan secara berkesan (Roberts, 2006). Selanjutnya, kemiskinan perlulah dilihat dengan lebih teliti menerusi beberapa persoalan seperti siapakah golongan miskin, mengapa mereka hidup dalam kemiskinan, dan apakah langkah-langkah pembasmian kemiskinan yang dijalankan oleh kerajaan bersesuaian dengan golongan miskin (Hanmer *et al.*, 1999; Ngwane *et al.*, 2003). Clarke dan Sison (2003) turut bersetuju dengan memahami persepsi kemiskinan yang diutarakan oleh golongan miskin akan menyediakan ruang baru dalam memahami kemiskinan. Pendapat ini turut disokong oleh Du Toit (2005) yang menyarankan kita perlu mengetahui dengan lebih mendalam mengenai kemiskinan serta apakah faktor-faktor menyebabkan golongan miskin dan mengapakah golongan miskin masih hidup dalam kemiskinan. Seiring dengan itu, Bank Dunia turut menggunakan pendekatan Pengetahuan Kemiskinan dalam memperkasakan dan menyediakan peluang serta menekankan dengan meluas definisi kemiskinan yang bukan hanya disebabkan oleh kekurangan material semata-mata, tetapi turut melihat kepada kekurangan dari segi pendidikan, kesihatan, ketiadaan kuasa, kurang dihormati dan tidak mempunyai keyakinan diri (Robb, 2002; Narayan dan Petesch, 2001; Narayan *et al.*, 2002a, 2000b).

Seterusnya, golongan miskin ini hendaklah diberikan peluang yang sama rata tanpa meletakkan batasan yang menjadi penghalang kepada mereka untuk menikmati bantuan, maklumat, keperluan asas serta kebebasan '*human right*' (Krumer-Nevo dan Benjamin, 2010). Menerusi *Human Development Report* (1997) golongan miskin mestilah diberikan hak bersama untuk menikmati segala kemudahan yang disediakan oleh pemerintah serta tidak dipinggirkan oleh arus pembangunan.

Penglibatan masyarakat dilihat dapat memberikan kesan positif kepada golongan miskin untuk keluar daripada belenggu kemiskinan. Pengalaman negara seperti Argentina, Honduras, United Kingdom dan Amerika Syarikat yang menekankan kepada pertumbuhan ekonomi semata-mata serta perlaksanaan dasar-dasar yang dijalankan meminggirkan golongan miskin telah menyebabkan kadar kemiskinan di negara mereka semakin meningkat (UNDP, 2005). Oleh itu, pendekatan pengetahuan kemiskinan yang terbaru adalah dengan memberikan 'hak bersuara' kepada golongan miskin. Hal ini kerana menurut Smith (1987) golongan miskin mempunyai pengalaman berhadapan dengan situasi kemiskinan (Krumer-Nevo dan Benjamin, 2010). Dengan cara ini, punca-punca kemiskinan akan dapat dikenalpasti dan kemudiannya menggunakan strategi yang tepat dalam membasmi kemiskinan.. Sejak mutakhir ini, konsep keterangkuman telah diperkenalkan supaya golongan miskin tidak terpinggir daripada menikmati hasil kekayaan negara bersama-sama golongan lain (Clarke dan Sison, 2003; Roberts, 2006). Kesemua ini telah menggunakan pendekatan Pengetahuan Kemiskinan untuk memahami dan sekaligus membasmi kemiskinan. Malaysia turut mengorak langkah dengan menerapkan keterangkuman pertumbuhan ekonomi dan hak bersama setiap kaum dalam menikmati kekayaan sumber negara dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) pada tahun 2010. Oleh itu, menerusi pendekatan Pengetahuan Kemiskinan, punca-punca kemiskinan akan dilihat dari sudut saintifik dalam memahami situasi kemiskinan yang dialami oleh golongan miskin.

2.2.1(a) Pendekatan Saintifik dalam Melihat Kemiskinan

Sejak berdekad lagi, kemiskinan dilihat sebagai kegagalan sesebuah masyarakat melibatkan diri dalam sektor ekonomi pada tahap minimum sehingga menjejaskan kemampuan golongan miskin untuk memiliki kehidupan sempurna (Duclos *et al.*, 2006; Ellis, 1983; Rosenthal, 1969). Lazimnya, kemiskinan diukur berdasarkan tahap pendapatan dan ketidaksamaan dalam pengagihan serta berorientasikan kewangan untuk mengkategorikan kemiskinan (Santarelli dan Figini, 2002). Justeru itu, World Bank (1992) telah menggunakan pendekatan saintifik dalam melihat kemiskinan iaitu individu dianggap miskin apabila taraf pendapatan di bawah garis kemiskinan sehingga menyukarkan golongan miskin untuk memenuhi keperluan asas seperti makanan, pakaian, rumah dan sebagainya (Sarilo, 1996; Ross *et al.*, 1994). Pendapatan garis kemiskinan yang ditetapkan oleh World Bank dan digunapakai di seluruh negara iaitu dengan menetapkan USD1 dan USD2 sehari sebagai kayu pengukur kepada kemiskinan sesebuah negara seperti pada tahun 1981, sebanyak 400 juta individu mempunyai pendapatan kurang daripada USD 1 iaitu bersamaan RM 4.44 akan dikategorikan sebagai miskin (Chen dan Ravallion, 2004). Pendekatan saintifik ini sering digunakan oleh para sarjana ekonomi dalam menerangkan isu kemiskinan yang berlaku dengan mengaitkan taraf pendapatan golongan miskin (berdasarkan sumber kewangan individu) (Bardhan, 1984) dan akan diuji menerusi analisis statistik (McKay dan Lawson, 2003; Ukphere, 2010) serta keupayaan golongan miskin untuk mendapatkan keperluan asas seperti rumah, kesihatan dan pendidikan (O'Hare dan Rivas, 2007; Wagle, 2002). Di Malaysia, kemiskinan turut diukur berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang berbeza di 11 negeri dan dikategorikan miskin apabila berada pada bawah Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) (Azlinda Azman *et al.*, 2010). Penggunaan PGK ini dapat memudahkan

untuk mengkategorikan siapakah golongan miskin seperti yang terdapat dalam Jadual 2.2.

Jadual 2.2: Pendapatan Garis Kemiskinan

Wilayah	Miskin		Miskin Tegar	
	PGK Kasar	PGK Per Kapita	PGK Makanan	PGK Per Kapita
Semenanjung Malaysia	RM720	RM180	RM430	RM100
Bandar	RM740	RM185	RM420	RM100
Luar Bandar	RM700	RM160	RM440	RM100

(Sumber: Unit Perancangan Ekonomi (EPU), 2007)

Namun begitu, adalah tidak tepat dengan hanya bersandarkan kepada PGK dalam membezakan golongan miskin (Narimah *et al.*, 2012) dengan yang lain. Hal ini kerana PGK hanya melihat kepada satu dimensi sahaja iaitu berdasarkan pendapatan semata-mata dan bukannya melihat punca-punca kemiskinan secara keseluruhan.

Seterusnya, menerusi pendekatan saintifik ini juga kemiskinan boleh dibahagikan kepada dua konsep iaitu kemiskinan mutlak dan kemiskinan relatif (Anand, 1983). Berdasarkan kajian terdahulu, didapati bahawa negara sedang membangun lebih memfokuskan kepada kemiskinan mutlak (Gaiha, 1993). Menurut Mabughi dan Selim (2006) kemiskinan mutlak sebagai subsisten atau cukup hidup merupakan had pendapatan minimum yang diperlukan oleh isi rumah bagi memenuhi keperluan asas kehidupan seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal untuk ‘cukup hidup’ (Rowntree, 1901). Seebohm Rowentree (1901) telah memperkenalkan konsep kemiskinan mutlak ketika mengkaji kemiskinan di York, England dan mendapati seramai 20, 302 ribu penduduk York hidup dalam kemiskinan tanpa cukup makanan, bahan bakar dan pakaian untuk menjalani kehidupan secara sihat serta tidak mempunyai pendapatan yang cukup bagi mendapatkan keperluan yang diperlukan agar dapat mengekalkan peringkat cukup hidup. Central Bank (1987) di Sri Lanka

mendefinisikan kemiskinan mutlak wujud apabila individu atau keluarga tidak mempunyai pendapatan yang cukup untuk membeli keperluan minimum sehingga menjejaskan dalam pengambilan kalori makanan. Menurut World Bank (2000), apabila seseorang tidak dapat memenuhi keperluan asas atau mempunyai pendapatan di bawah PGK, maka individu tersebut akan dikategorikan sebagai miskin mutlak. Situasi kemiskinan mutlak yang digambarkan oleh bekas Presiden World Bank Robert McNamara ialah apabila golongan miskin kekurangan makanan, buta huruf, hidup dalam persekitaran yang kotor, kadar kematian bayi yang tinggi dan jangka hayat yang rendah, kekurangan akses untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan, pendidikan, air bersih dan tandas yang elok serta kekurangan peluang dan pilihan telah menjejaskan lagi keadaan golongan miskin dalam menjalani kehidupan mereka (Sterba, 2005). Jadual 2.3 menunjukkan kemiskinan mutlak antara bandar dan luar bandar di beberapa negara yang berada di bawah paras garis kemiskinan:

Jadual 2.3: Kemiskinan Mutlak di Bandar dan Luar Bandar (peratusan di bawah PGK)

Negara	Kemiskinan Bandar (%)	Kemiskinan Luar Bandar (%)
Afrika		
Botswana	30.0	64.0
Cote d' Ivoire	30.0	26.0
Egypt	34.0	33.7
Morocco	28.0	32.0
Mozambique	40.0	70.0
Tunisa	7.3	5.7
Uganda	25.0	33.0
Asia		
Bangladesh	58.2	41.3
China	0.4	11.5
India	37.1	38.7
Indonesia	20.1	16.4
South Korea	4.6	4.4
Malaysia	8.3	22.4

Nepal	19.2	43.1
Pakistan	25.0	31.0
Philippines	40.0	54.1
Sri Lanka	27.6	45.7
Amerika Latin		
Argentina	14.6	19.7
Brazil	37.7	65.9
Colombia	44.5	40.2
Costa Rica	11.6	32.7
Guatemala	61.4	85.4
Haiti	65.0	80.0
Honduras	73.0	80.2
Mexico	30.2	50.5
Panama	29.7	51.9
Peru	44.5	63.8
Uruguay	19.3	28.7
Venezuela	24.8	42.2

(Sumber: UN Habitat (1996), World Bank (1994)).

Kemudiannya, kemiskinan mutlak juga didefinisikan dengan menggunakan asas pengukuran yang dianggap standard bagi membolehkan perbandingan di antara tempat dan masa dilakukan (Chamhuri Siwar dan Mohd Hafilah Piei, 1988) seperti bilangan isi rumah miskin dalam sesebuah kawasan sama ada negeri atau daerah berbanding dengan jumlah isi rumah miskin secara keseluruhannya. Konsep kemiskinan mutlak ini telah mendapat pelbagai kritikan berikutan terdapat beberapa kekurangan atau kelemahan dalam konsep ini iaitu apabila ukuran tersebut tidak mengambil kira sejauh mana sesebuah isi rumah itu berada di bawah garis kemiskinan, kemudiannya tidak mengambil kira masalah penting berhubung dengan agihan makanan dan kemudahan lain dalam sesebuah isi rumah kerana konsep ini hanya berasaskan pendapatan. Oleh itu, konsep ini tidak dapat menggambarkan kebajikan atau taraf hidup yang sebenar bagi individu atau sesebuah isi rumah yang hidup dalam kemiskinan (RMK-5, 1986; Jamilah Ariffin, 1994). Konsep kemiskinan mutlak ini juga jarang terdapat di negara maju seperti di Amerika Syarikat dan Jepun kerana golongan miskin di negara maju adalah berbeza dengan golongan miskin di

negara sedang membangun. Contohnya golongan miskin di negara maju, jarang kita mendengar berlakunya kematian disebabkan kelaparan. Kemiskinan di negara maju lebih bercorak kepada 'pengorbanan' seperti golongan miskin terpaksa memilih di antara perubatan dan barangan keperluan harian atau memiliki kereta yang dua kali ganda lebih tinggi daripada harga sebuah bilik berikutan harga rumah adalah sangat tinggi (Whitman, 2008). Di Amerika Syarikat, kadar kemiskinan adalah tertinggi berbanding negara maju yang lain walaupun Amerika Syarikat merupakan negara terkaya di dunia.

Kemiskinan relatif pula bertujuan untuk membandingkan kedudukan kemiskinan antara individu dengan individu lain atau satu kumpulan penduduk dengan sekumpulan penduduk yang lain serta menekankan ketaksamaan dari segi ekonomi dan pengagihan pendapatan (Oster *et al.*, 1978; Mohamed Zaini Omar, 2010). Seseorang itu dianggap miskin secara relatif sekiranya taraf sosio ekonominya berada di paras yang rendah berbanding orang lain, sedangkan telah berada di atas tahap kemiskinan mutlak (Chamhuri, 2004; Ravallion, 1998). Merton (1957) dan Runciman (1966) menyatakan konsep 'perbandingan' merupakan konsep penting dalam aspek kebajikan dalam memahami kemiskinan. Kemudiannya, menerusi penyelidikan sebelum ini, mendapati kemiskinan relatif banyak digunakan di negara maju seperti Amerika Syarikat dan Jepun. Menurut Townsend (1973) individu dan keluarga yang sentiasa memiliki bekalan yang tidak mencukupi sama ada bekalan makanan atau pun bekalan asas kemudiannya tinggal bersama-sama dalam kalangan mereka (golongan miskin). Kemiskinan relatif berkait dengan wujudnya ketaksamaan (*inequality*), kelemahan (*vulnerability*) dan kekurangan (*deprivation*) yang dialami oleh golongan miskin (Kircher, 2002; May, 1998). Konsep *Engel's coefficient* merupakan satu kaedah yang digunakan dalam mengukur kemiskinan